

31/10/2003

18,000 sambut Pak Lah di Kepala Batas

By Shahrin Osman

BUTTERWORTH: Lebih 18,000 ahli Umno bahagian Kepala Batas dijangka menyambut kepulangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Kepala Batas selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-5, Sabtu ini.

Setiausaha Umno bahagian itu, Datuk Abu Bakar Yahya, berkata sambutan turut disertai Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno serta ahli MCA, MIC dan Gerakan.

Katanya, perarakan menyambut kepulangan Abdullah bermula dari Plaza Tol Bertam dekat sini, dengan melalui Jalan Bertam, Jalan Perak hingga ke rumah beliau.

Beliau berkata, pemimpin pelbagai parti komponen Barisan Nasional (BN) dalam Parlimen Kepala Batas sudah membuat persiapan untuk menyambut kepulangan Abdullah sebagai Perdana Menteri.

"Warga Kepala Batas dan rakyat Pulau Pinang menghargai jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik Pak Lah sebagai penggantinya," katanya di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kepala Batas dekat sini, semalam.

Umno bahagian itu turut menyediakan 20 kain rentang sepanjang 15 meter untuk menyambut kepulangan Abdullah serta mengucapkan tahniah ke atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri.

Abdullah dijangka menemui ibunya, Datuk Kailan Hassan untuk mendapat restu setiba di rumahnya di Kepala Batas.

Sementara itu, Ketua MCA Kepala Batas, Goh Poh Chun berkata, pihaknya juga sudah menyiapkan 15 kain rentang masing-masing sepanjang lima meter dan memasangnya di bangunan Umno bahagian di Jalan Bertam dekat sini.

Katanya, kira-kira 2,000 ahli MCA bahagian Kepala Batas akan turut meraikan kepulangan Abdullah.

Ketua Gerakan Kepala Batas, Teh Ju Hock, pula berkata lebih 3,000 ahlinya akan turut menyertai sambutan kepulangan Abdullah dengan menyiapkan enam kain rentang masing-masing sepanjang enam meter.

Semalam, Pergerakan Wanita dan Puteri Umno Kepala Batas turut berganding bahu membungkus pelbagai kuih dan kurma untuk diagihkan kepada lebih 5,000 umat Islam sebagai juadah berbuka puasa selepas majlis sambutan kepulangan Abdullah.

(END)